

Prakata

Masyarakat global dan kehendak di zaman maklumat telah membentuk semula bidang kepustakawanan dan penggunaan teknologi untuk mengiktiraf dan meningkatkan perubahan ekonomi, kebudayaan dan komunikasi dalam dunia hari ini.

Garis panduan dalam bentuk ringkasan ini telah ditulis oleh para ahli Jawatankuasa Tetap Bahagian Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja sebagai suatu alat perlaksanaan untuk perpustakaan-perpustakaan pelbagai saiz dan tahap ekonominya.

Garis panduan ini melengkapkan penerbitan-penerbitan IFLA; *Manifesto Perpustakaan Awam IFLA/UNESCO*, *Perkhidmatan Perpustakaan Awam: Garispanduan untuk Pembangunan, IFLA/UNESCO*, dan *Garis panduan Perpustakaan untuk Kanak-kanak dan Remaja*.

